

BAB II
GAMBARAN UMUM
UNIVERSITY UTARA MALAYSIA

2.1 Sejarah University Utara Malaysia

Universiti Utara Malaysia (UUM) ialah universiti keenam Malaysia yang secara rasminya ditubuhkan pada 16 Februari 1984, di bawah Perintah Universiti Utara Malaysia 1984 (P.U. (A) 47/1984). UUM juga satu-satunya universiti yang ditetapkan supaya mengkhusus kepada bidang pengurusan sejak awal penubuhannya.

UUM mengandungi dua kampus; kampus utama, yang dibina di Sintok, Kedah pada 15 September 1990 dan dibuka secara rasmi pada 17 Februari 2004, dan kampus kedua (kampus bukan kediaman), yang dibina di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

UUM menduduki tempat ke-131 di dalam QS Asia Universiti Rankings 2018[7], menduduki antara tempat ke-101 ke tempat ke-150 di dalam QS Top 50 Under 50 2019[8], dan juga menduduki antara tempat ke-601 ke tempat ke-650 di dalam QS World University Rankings® 2019.

Perancangan pembinaan Universiti Utara Malaysia bermula apabila Kementerian Pendidikan Malaysia merancang untuk menubuhkan universiti ini dalam bulan Ogos 1983. Pada 19 Oktober 1983, Jemaah Menteri telah memberi kelulusan rasmi ke atas projek yang pada waktu itu dinamakan “Projek Universiti Keenam”, di Kedah. Beberapa bulan kemudian, pejabat sementara universiti keenam yang diberi nama Universiti Utara Malaysia dibuka secara rasminya pada 15 Februari 1984 di Jitra.

Empat bulan kemudian, UUM berpindah ke kampusnya yang pertama – Kampus Darul Aman di Jitra – pada bulan Jun 1984 apabila fasa pertama projek berkenaan siap.

Perpindahan itu dilakukan bagi menyambut ketibaan sekumpulan pelajar sulung universiti menjelang kemasukan mereka pada awal bulan Julai 1984. Kampus tersebut didirikan di atas satu kawasan seluas 62 ekar di Bandar Darulaman, iaitu 18 km ke utara Alor Setar dan 4.8 km dari Jitra.

Sementara itu, perancangan kampus tetap universiti bermula. Kampus tetap tersebut dibina di kawasan seluas 1,061 hektar di Sintok (di daerah Kubang Pasu), yang terletak kira-kira 48 km dari utara Alor Setar dan 10 km timur Changlun, sebuah bandar kecil di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan, berdekatan sempadan Malaysia-Thai.

Kampus Sintok yang bernilai RM580 juta telah dibuka secara rasmi pada 17 Februari 2004 oleh Canselor Diraja, Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Bangunan-bangunan utama yang terkandung di dalam Kampus Sintok ialah Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Canselori, Masjid Sultan Badlishah, Dewan Mu'adzam Shah, Dewan Tan Sri Othman, Kompleks Sukan, Varsity Mall, bangunan Budi Siswa, Kompleks Konvensyen, dan bangunan-bangunan yang menempatkan pelbagai jabatan daripada Kolej Akademik.

Sebagai kampus yang terletak jauh dari hiruk pikuk bandar, UUM menyediakan kemudahan penginapan di dalam kampus kepada pelajarnya. UUM mempunyai 15 Dewan Kediaman Pelajar (SRH), yang boleh menempatkan kira-kira 20,000 orang pelajar. Dewan Kediaman Pelajar tersebut dinamakan selepas syarikat-syarikat Malaysia, institusi dan organisasi yang mempunyai reputasi (MAS, Tenaga Nasional, Tradewinds, Petronas, EON, MISC, Sime Darby, BSN, TM, PROTON, Maybank, Yayasan Albukhary, Bank Muamalat, Bank Rakyat, dan SME Bank). Selain daripada itu, UUM juga mempunyai penginapan yang selesa disediakan untuk pelawat di Universiti Inn dan Hotel EDC-UUM. Menyedari kebijakan dan keperluan untuk penginapan di kalangan kakitangannya, UUM telah membina kira-kira 600 unit rumah pelbagai jenis untuk sebahagian besar daripada tenaga kerja.

2.2 Visi dan Misi University Utara Malaysia

2.2.1 Visi


Visi Universiti Utara Malaysia adalah untuk menjadi universiti pengurusan yang terkemuka.

2.2.2 Misi

Misi Universiti Utara Malaysia adalah untuk mendidik pemimpin berpewatakan holistik untuk berbakti kepada komuniti global.

2.3 Lokasi Perusahaan

University Utara Malaysia ,41-3 Jalan Raja Muda Abd Aziz, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia.



Gambar 2.1 Denah University Utara Malaysia

